

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Sejarah penulisan nahu Melayu yang terawal dipelopori oleh orang-orang Eropah. (Ismail Salleh, 1996) Menurut Zulkifley Hamid (1996), istilah tatabahasa merujuk peraturan-peraturan atau cara menyusun pelbagai unsur dalam sesuatu bahasa agar bersesuaian dengan kaedah penyusunan secara sintagmatik.

Menurut Abdullah Hassan (1987), sebuah tatabahasa bahasa Malaysia yang lengkap memanglah diperlukan supaya dapat diperkembangkan sebagai asas bahasa baku, dan dengan demikian akan dapat menimbulkan sebuah rupa bahasa yang digunakan dengan seragam. Bahasa yang senantiasa berfungsi sebagai alat perhubungan itu haruslah teratur dan kemas. Ciri-ciri yang teratur dan kemas inilah yang dipanggil oleh ahli-ahli bahasa sebagai sistem yang berperaturan, yang kita faham sebagai "**tatabahasa**". (Arbak Othman, 1981)

1.2 LATAR BELAKANG PENULISAN BUKU TATABAHASA BAHASA MELAYU

Sejarah penulisan buku tatabahasa bahasa Melayu terbahagi kepada beberapa peringkat, iaitu yang ditulis oleh sarjana asing dan tempatan.

1.2.1 PENULISAN BUKU TATABAHASA OLEH SARJANA BARAT

Penulisan tatabahasa Melayu pada peringkat awalnya ditulis oleh orang-orang Inggeris. Menurut Ismail Salleh (1996), orang Barat yang terawal menghasilkan nahu Melayu ialah G.H. Werdly, iaitu pada tahun 1736 dengan bukunya bertajuk "**Maleische Spraakkunst**".

Usaha ke arah penghasilan buku tatabahasa Melayu semakin ketara pada awal abad ke 19. William Marsden (1812) menulis "**A Grammar of the Malay Tongue**". Ini diikuti oleh Crawford (1852) dengan buku "**A Grammar and Dictionary of the Malayan Language**". Kemudian W.E. Maxwell (1882) menulis buku "**A Manual of the Malay Language**". W.G. Shallebear (1899) menghasilkan buku "**A Practical Malay Grammar**".

Pada tahun 1913, R.O. Winstedt, iaitu seorang sarjana yang tidak asing lagi dalam pengkajian kesusasteraan Melayu telah menulis

"Malay Grammar". Adam dan Buttler turut menyumbangkan tulisan dengan menghasilkan **"Grammar of the Malay Language"** pada tahun 1922. Pada tahun 1940, V.E. Hendershot menulis buku **"A Malay Language Course"**. M.B. Lewis turut menghasilkan penulisannya pada tahun 1947 dengan menghasilkan buku **"Teach Yourself Malay"**.

1.2.2 PENULISAN BUKU TATABAHASA BAHASA MELAYU OLEH SARJANA TEMPATAN

Penulisan buku tatabahasa bahasa Melayu turut ditulis oleh sarjana tempatan. Pada tahun 1928, telah tercetak buku **"Kitab Pengetahuan Bahasa"** oleh Raja Ali Haji. Pada tahun 1936 pula, Mohd Said bin Haji Sulaiman menulis **"Buku Katan Melayu"**. Pada tahun 1940, Za'ba menyusul dengan bukunya **"Pelita Bahasa Melayu Penggal Satu"**.

1.2.3 PERKEMBANGAN TATABAHASA BAHASA MELAYU

Dengan terhasilnya buku **"Pelita Bahasa Melayu Penggal Satu"** maka bermulalah ruang ke arah penulisan tatabahasa bahasa Melayu. **Penyata Razak** (1955) telah menekankan tentang pentingnya pelajaran bahasa Melayu diajarkan di semua aliran persekolahan. Ini telah membawa kepada penghasilan buku-buku tatabahasa bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, pendekatan yang digunakan agak berlainan, iaitu

lebih kepada penulisan buku teks sekolah. Satu hal yang menarik, isi kandungannya tidak lari daripada tatabahasa Za'ba. (Alias Yassin, 1972)

Tatabahasa bahasa Melayu turut dibincangkan dalam majalah keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Antara penulis yang banyak menyumbang buah fikirannya seperti Asmah Hj. Omar, Lutfi Abas, Raja Mukhtaruddin dan lain-lain. Selain itu, Jabatan Pengajian Melayu di Universiti Malaya turut memainkan peranan penting dalam usaha memperkembang pengajian bahasa Melayu.

Pada tahun 1970 ke atas, ramai ahli bahasa yang telah menghasilkan buku tatabahasa moden yang mengambilkira linguistik deskriptif, berbanding golongan tradisional yang menulis secara preskriptif. Mereka adalah seperti Lutfi Abas, Asmah Hj. Omar, Raja Mukhtaruddin dan lain-lain lagi.

Didapati bahawa teori linguistik moden begitu kuat dan berpengaruh dalam perkembangan bahasa Melayu selepas tahun 1940-an. Antara teori yang paling berpengaruh pada tahun 1950-an ialah **Teori Transformasi Generatif** yang dipelopori oleh Noam Chomsky. Manakala **Teori Tatabahasa Wacana** popular di Malaysia pada tahun 1980-an.

Walaupun terdapat kelemahan serta kritikan dalam pengaplikasian teori-teori tatabahasa moden, diharapkan agar kajian ini dapat memuaskan ciri-ciri penulisan buku tatabahasa bahasa Melayu yang dapat mencakupi penghuraian tatabahasa bahasa Melayu dengan lebih tuntas dan selari dengan perkembangan zaman, di samping bersesuaian dengan bawaan dan jati diri bangsa itu sendiri.

1.2.4 BUKU-BUKU TATABAHASA KAJIAN

1.2.4.1 PELITA BAHASA MELAYU PENGGAL SATU

Buku "Pelita Bahasa Melayu Penggal Satu" atau PBM (1) merupakan sebuah buku yang unggul pada zamannya dan amat berpengaruh di Malaysia. Menurut Alias bin Yassin (1972), Za'ba menulis buku tatabahasa ini hasil daripada pemerhatian, bahan-bahan pertuturan, pembacaan dan ciptaan sendiri, serta digubah semula mengikut kelaziman bahasa Melayu.

Buku ini menerima banyak pujian serta pandangan yang positif berdasarkan penulisannya. Pada pandangan Azhar M. Simin (1993), nahu Za'ba adalah nahu yang tahan diuji masa, dan hakikat ini mungkin kerana ia adalah nahu 'benar' yang dicipta secara bijak. Malah, Che Puteh Ismail dan Nik Safiah Karim (1980), turut menyatakan bahawa PBM(1) telah

menjadi rujukan semua pihak sejak pertama kali ia diterbitkan, dan sehingga kini ia belum dapat diatasi dari segi kebijaksanaan isi dan huraiananya.

Pengkaji mendapati bahawa kekuatan buku PBM(1) dapat dilihat daripada aspek isi dan huraiananya. Za'ba berupaya membentuk konteks atau wacana dalam mana bentuk itu digunakan. Isinya padat dengan huraian yang kreatif, di samping menyediakan konteks situasi penggunaannya. Perbincangan-perbincangan di dalam buku ini menggunakan contoh-contoh serta memberi peringatan dengan memberikan beberapa penekanan. Inilah antara sebab mengapa buku tatabahasa ini dipilih dalam kajian.

Pemilihan buku tatabahasa Za'ba ini adalah bersesuaian dengan sifat buku ini sendiri. Ia bersifat normatif, iaitu menekankan cara atau tatacara. Za'ba telah berusaha menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa yang agak tinggi. Oleh kerana bahasa Melayu banyak berlandaskan bahasa lisan, maka beliau berusaha menyampaikan pemikirannya berlandaskan lisan dan tulisan dalam sebuah buku yang lengkap. Buku ini juga tergolong sebagai tatabahasa pedagogi yang bernilai terutamanya kepada golongan guru.

Asmah Hj. Omar (1992), Mohd Taib Osman dan Hamdan Hassan (1978), turut mengatakan bahawa buah fikiran Za'ba tentang bahasa Melayu, khasnya bidang tatabahasa amat menonjol dan dibincangkan hingga kini. Walaupun beliau telah meninggal dunia lebih dari dua dekad, karya tatabahasa bahasa Melayu yang ditinggalkan oleh beliau tetap diperkatakan orang.

Pengkaji berpendapat bahawa buku tatabahasa Za'ba ini amat wajar diberikan perhatian dalam usaha untuk menghasilkan penulisan sebuah buku tatabahasa bahasa Melayu yang lebih sesuai dengan perkembangan zaman terutama di abad ke-21 ini.

1.2.4.2 TATABAHASA DEWAN

Buku "Tatabahasa Dewan" atau (TBD) ditulis oleh sekumpulan ahli bahasa, iaitu Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa dan Abdul Hamid Mahmood. TBD merupakan buku tatabahasa pegangan yang menjadi pedoman dan rujukan masyarakat, khususnya di sekolah, institut perguruan, dan juga di institusi pengajian tinggi tempatan.

TBD sebagai sebuah buku rujukan utama tetap menerima pelbagai kritikan daripada pelbagai pihak terutamanya daripada individu yang memandang berat akan perkembangan bahasa Melayu. Walau

bagaimanapun, Dewan Bahasa dan Pustaka menerbitkan TBD sebagai usaha ke arah melahirkan sebuah negara yang mempunyai bahasa kebangsaan yang standard. Penghasilan buku ini merupakan sebahagian daripada usaha Dewan Bahasa dan Pustaka dalam menyeragamkan dan memartabatkan bahasa kebangsaan.

Pengkaji memilih buku tatabahasa ini memandangkan peranannya sebagai sebuah buku tatabahasa pegangan di samping penggunaannya yang meluas di kalangan masyarakat di negara ini.

1.2.4.3 SINTAKSIS-WACANA "YANG" DALAM BAHASA MELAYU

Buku tatabahasa ini memaparkan penulisan nahu jenis wacana. Mengikut Azhar M. Simin (1993), sintaksis-wacana bukanlah seni paling baru dalam penulisan nahu bahasa Melayu. Beliau cuba menunjukkan bahawa sintaksis-wacana adalah alat yang berguna untuk mentafsir nahu bahasa Melayu, oleh sebab ia berasaskan andaian yang bukan saja bersifat logik, tetapi juga bersifat munasabah.

Menurut Azhar M. Simin lagi, dalam perkembangan nahu bahasa Melayu yang tidak menentu kini, sering berlaku apa yang dinamakan penulisan nahu senarai (iaitu nahu yang mengandungi satu senarai "pola-pola" ayat dan aksiom-aksiom ala matematik) oleh penulis nahu yang

mempercayai bahawa sesuatu koleksi senarai seperti ini adalah nahu. Untuk mendapatkan gambaran yang lebih benar tentang bahasa, kita harus melangkah setapak lagi daripada cuma menyenaraikan pola-pola ayat kepada mengetahui apakah gunanya pola-pola yang berbagai-bagai ini. Untuk melaksanakan tugas ini, beliau menekankan agar diperlukan pendekatan sintaksis-wacana.

Daripada saranan yang dikemukakan oleh Azhar M. Simin itu, dirasakan bahawa buku tatabahasa ini perlu dikaji untuk mencari kekuatan teori sintaksis-wacana yang diusahakan oleh beliau itu.

1.3 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan menetapkan ciri-ciri yang sepatutnya perlu ada dalam penulisan sesebuah buku tatabahasa bahasa Melayu, khusus untuk menjadikannya sebagai sebuah buku tatabahasa yang lengkap dan berpadu, sesuai sebagai rujukan umum. Penulisan sebuah buku tatabahasa bahasa Melayu difikirkan perlu selaras dengan perkembangan zaman. Oleh itu, kajian ini cuba menyediakan input yang lebih relevan dengan zamannya. Pengkaji berharap hasil kajian ini akan membuka era baru dalam penulisan sesebuah buku tatabahasa bahasa Melayu memasuki alaf baru.

1.4 BAHAN KAJIAN

Pengkaji akan meneliti tiga buah buku tatabahasa bahasa Melayu, iaitu **Pelita Bahasa Melayu Penggal Satu** (1965), **Tatabahasa Dewan** (1995), dan **Sintaksis-Wacana "Yang" Dalam Bahasa Melayu** (1993).

1.5 KAEDAH KAJIAN

Pengkaji akan meneliti jenis-jenis penulisan nahu tatabahasa yang digunakan dalam setiap buku tatabahasa yang dikaji. Menurut Azhar M. Simin (1993), nahu tatabahasa bahasa Melayu kebanyakannya adalah nahu bebas-konteks seperti nahu pola, nahu ayat, dan nahu separuh-wacana. Menurut beliau lagi, nahu wacana atau nahu peka-konteks adalah nahu yang membekalkan asas yang lebih baik, di samping mungkin dapat mencadangkan cara untuk memperluaskan beberapa bidang penyelidikan baharu dalam linguistik Melayu yang tidak mungkin dilaksanakan sebelum ini.

Kajian ini akan cuba mengutarakan kekuatan dan kelemahan jenis-jenis nahu tatabahasa yang digunakan di dalam buku-buku yang dikaji. Pengkaji akan cuba menggariskan ciri-ciri serta cadangan untuk menghasilkan sesebuah buku tatabahasa bahasa Melayu.

Kajian ini akan meneliti aspek morfologi dan sintaksis, di samping tidak mengabaikan aspek wacana, serta cuba menerapkan 'teori' atqakum dalam mengupayakan satu bentuk penulisan tatabahasa bahasa Melayu.

1.6 TEORI KAJIAN

Kajian ini akan cuba menerapkan satu teori tatabahasa bahasa Melayu yang boleh dianggap baharu dalam bidang pengajian bahasa Melayu, iaitu 'Teori' Atqakum. ('Teori' bermakna khusus ini merujuk kepada bukan sekadar teori, tetapi lebih daripada itu.) Dalam kajian ini pengkaji cuba menerapkan konsep-konsep yang terangkum dalam teori ini. Penerapan 'Teori' Atqakum dalam kajian ini bertujuan untuk menampilkan satu teori yang mantap sesuai dengan bawaan dan jati diri bangsa Melayu itu sendiri dalam mengupayakan penulisan sebuah buku tatabahasa bahasa Melayu.

1.6.1 TEORI-TEORI PENULISAN TATABAHASA TERDAHULU

Setiap teori bahasa yang dikemukakan mempunyai kekuatan dan kelemahannya yang tersendiri. (Ishak Ramly, Februari 1996) Telah lahir beberapa teori linguistik yang merupakan beberapa aliran teori seperti teori tradisional, teori struktural, teori transformasi generatif, dan teori wacana.

1.6.1.1 TEORI TRADISIONAL

Menurut Vivian Cook (1984), tata bahasa tradisional merupakan *"school grammar concerned with labelling sentences with parts of speech"*. Aliran tata bahasa ini lebih memberatkan makna, iaitu penghasilannya lebih bersifat anggapan yang berlandaskan kepercayaan dan tanggapan.

Aliran ini beranggapan bahawa bahasa adalah konvensional, iaitu bahasa tidak saja dicipta, tetapi bersifat dinamik dan progresif, dan digunakan secara objektif berdasarkan pada logik dan keperluan-keperluan yang khusus. Tata bahasa tradisional memberatkan kajian mengenai hukum dan peraturan sesuatu bahasa berdasarkan makna. Aliran ini beranggapan bahasa tata bahasa bersifat nosional dan tidak memberatkan penstrukturalan. Tumpuan diberikan kepada bahasa tulisan kerana bahasa tulisan merupakan bentuk yang asli.

1.6.1.2 TEORI STRUKTURAL

Teori ini dipelopori oleh Ferdinand de Saussure (1929). Dalam bidang linguistik, aliran strukturalisme dibawa oleh Bloomfield (1933), Harris (1947), dan Pike (1960). (Ishak Ramly, 1996)

Aliran struktural beranggapan bahawa sebarang kajian terhadap bahasa harus mengarah kepada kajian terhadap bentuk bahasa dan bukan terhadap maknanya. Bahasa yang hendak dikaji hendaklah bahasa lisan, bukannya bahasa tulisan. Mengikut aliran ini, kajian bahasa seharusnya tidak melibatkan faktor-faktor bukan linguistik seperti faktor sosial dan kebudayaan. Analogi dan kaedah latih tubi digunakan untuk menghasilkan penguasaan terhadap struktur bahasa tanpa menerangkan konsep-konsep tatabahasa.

Menurut Brook (1964: 146-147), "pattern practice capitalised on the mind's capacity to perceive identity of structure where there is difference in content and in quickness to learn by analogy". Aliran ini beranggapan bahawa bahasa mempunyai peraturan, dan setiap pengguna bahasa harus menguasai peraturan bahasa baik secara sedar ataupun tidak sedar. (Ishak Ramly, 1996)

1.6.1.3 TEORI TATABAHASA TRANSFORMASI GENERATIF

Teori Transformasi Generatif dipelopori oleh Noam Chomsky pada tahun 1957. Menurut Paul Postal (1962), tatabahasa Transformasi Generatif menggabungkan ciri-ciri utama tatabahasa tradisional dengan sifat eksplisit tatabahasa bagi menghasilkan satu huraian bahasa yang

dapat memberikan keterangan terhadap penghasilan dan pemahaman ayat.

Mangantar Simanjuntak (1988), memperkuat kenyataan Postal. Menurutnya, teori Transformasi Generatif merupakan satu teori yang lengkap dan menyeluruh yang merangkumi semua komponen bahasa: sintaksis, semantik, dan fonologi. (Rafizah Mohd Rasidi, 1998/1999)

Mengikut Theodora Bynon (1970), beberapa ciri penting tatabahasa Transformasi Generatif ialah urutannya yang tidak terhad daripada rumus-rumus dan peraturan-peraturan terhad yang bertujuan menghasilkan satu huraian bahasa yang dapat mengemukakan asas bagi menerangkan bagaimana ayat-ayat dapat dihasilkan dan difahami. Tatabahasa ini menganalisis fonologi, morfologi, dan sintaksis dan menggunakan simbol-simbol dan rumus-rumus dalam menghuraikan bentuk bahasa. (Ishak Ramly, 1996)

1.6.1.4 TEORI WACANA

Halliday (1973) berpendapat bahawa bahasa mempunyai struktur tertentu supaya dapat menggambarkan fungsi yang dapat dimainkannya dalam komunikasi. Menurut Halliday, McIntosh dan Stevens (1964), penghuraian bahasa bagi kebanyakan bahasa harus dilakukan melalui

empat kategori yang asas, iaitu unit, struktur, kelas, dan sistem. Tanpa keempat-empat kategori asas ini sukar untuk dihuraikan tatabahasa bagi kebanyakan bahasa di dunia.

1.6.2 'TEORI' ATQAKUM

'Teori' Atqakum dikemukakan oleh Dr. Sanat Md. Nasir (1998) dalam kertas kerja beliau yang bertajuk "**Konsep Penting Dalam Pengajian Bahasa Melayu**". Kertas kerja ini dibentangkan pada Persidangan Pengajian Melayu 1998.

Kertas kerja beliau membincangkan sebelas konsep yang dikira penting dalam pengajian bahasa Melayu. Konsep-konsep ini dibincangkan dalam kursus Teori Tatabahasa Bahasa Melayu di peringkat sarjana di Universiti Malaya di bawah kendalian Dr. Sanat Md. Nasir.

Menurut Dr. Sanat Md. Nasir (1998), bidang linguistik dapat dibahagikan kepada tiga, iaitu:


- (1) linguistik gunaan yang merujuk kepada pengajaran bahasa,
- (2) linguistik gunaan lain yang berkaitan dengan sains tulen, dan
- (3) linguistik tulen yang khusus tentang ilmu bahasa demi ilmu bahasa.

Menurut beliau lagi, pernyataan di atas menampakkan kegawatan baik dari segi tujuan mahupun bidang. Bahasa Melayu sebagai korpus bidang pengajian perlu sampai ke tahap kepadaan atqakum. Kepadaan atqakum terkandung dalam 'Teori' Atqakum. Teori yang bermakna khusus ini merujuk kepada bukan sekadar teori, tetapi lebih daripada itu, iaitu perintah supaya bertakwa dan menjadi paling bertakwa di sisi Allah S.W.T. Oleh itu, beliau mengemukakan 'Teori' Atqakum dengan harapan dapat sama-sama dikongsi dan dimanfaatkan.


Konsep-konsep penting dalam 'teori' atqakum ini perlu diikat dengan amal makruf nahi mungkar.

“ Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan
umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh
kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang
mungkar; merekalah orang-orang yang beruntung.”

(Surah Al-Imran: 104)



Rajah 1.1: Konsep-Konsep Penting Dalam 'Teori' Atqakum
(berdasarkan konsep-konsep yang diutarakan oleh
Dr. Sanat Md. Nasir, 1998)



Rajah 1.2 : 'Teori' Atqakum Dalam Tatatingkat Tatabahasa

Berdasarkan rajah 1.2, 'Teori' Atqakum berada di tatatingkat paling atas selepas wacana, sintaksis, morfologi dan fonologi. Jelas bahawa 'Teori' Atqakum mampu melihat sesuatu unsur tatabahasa bahasa Melayu itu dengan lebih komunikatif berdasarkan kedudukannya dalam tatatingkat tatabahasa.

1.6.2.1 ASAL USUL BAHASA - 'ALLAMAHULBAYAN

Meskipun sejak awal lagi, manusia telah mencetuskan andaian bahawa bahasa dianugerahkan oleh Tuhan kepada manusia, namun masih terdapat beberapa telahan yang cuba menyangkal hakikat tersebut. Ahli-ahli linguistik barat cuba menepis hakikat kewujudan bahasa yang dikurniakan Allah dengan mengemukakan idea-idea seperti bahasa

bermula daripada peniruan bunyi alam kepada konvensional, bahasa bermula daripada bunyi bising kepada bahasa yang penuh dan sebagainya.

Dari perspektif pengajian bahasa Melayu, linguistik yang dikatakan sebagai sains dan bersifat saintifik tidak mampu menjangkau sehingga ke tahap kekuasaan Allah sedangkan dalam mencari asal usul bahasa termasuklah bahasa Melayu, sumber aqli hendaklah bersendikan sumber naqli. Pembuktiannya sebagaimana dalam Surah Ar-Rahman, ayat 4:

"Dan mengajarkan kepadanya berbicara terang"

Bahasa pada hakikatnya merupakan sebagai fitrah manusia yang menjadi alat dalam proses komunikasi.

1.6.2.2 FUNGSI BAHASA - LIYA'BUDU

Dalam segala urusan kehidupan, bahasa memainkan peranan yang amat penting untuk berkomunikasi dan perlu dijelaskan di sini bahawa komunikasi termasuk dalam kerangka ibadah. Justeru itu, kita diingatkan agar merendahkan dan melembutkan suara ketika bertutur sebagaimana yang dituntut dalam Al-Quran (31:19) yang bermaksud:

"Dan bersederhanalah dalam berjalan dan lembutkanlah suara engkau! Sesungguhnya suara yang amat buruk ialah suara himar."

Di samping fungsi komunikasi, bahasa juga sebagai fungsi tekstual yang menjadi ayat (tanda) dan tanda pada bahasa merujuk kepada kemahabesaran Allah S.W.T.

1.6.2.3 MODEN DAN TRADISIONAL

Nilai masa sangat bergantung kepada pelakunya. Demikian juga dengan nilai tempat. Kebaikan merujuk kepada diri manusia dan keperibadiannya yang tidak terpapar semata-mata melalui zahir atau fizikal malahan lebih daripada itu kepada tahap keimanannya kepada Allah S.W.T. Oleh itu, konsep moden yang merujuk kepada sesuatu yang lebih baik daripada yang tradisional hendaklah dinilai melalui sahsiah individu yang seharusnya lebih tinggi tingkat ketakwaannya.

1.6.2.4 KORPUS - AYAT

Korpus dalam kajian bahasa tidak semata-mata dilihat sekadar pada cakupan data linguistik yang empiris sifatnya tetapi sebenarnya lebih luas dan saujana bentuk dan sifatnya. Korpus bahasa sebagai makhluk perlu didekati secara kulli sehingga menyangkut korpus ghaibi. Dalam hal ini, korpus mempunyai kuasa konkrit (inderawi), kognitif (abstrak) dan juga ghaibi (haqiqat). Oleh itu, bahasa Melayu sebagai korpus memerlukan makna yang luas, dan dianalisis secara aqli dan naqli.

1.6.2.5 SEJAGAT - WAKHTILAF

Konsep wakhtilaf ini merujuk kepada perbezaan atau kenekaan bahasa sebagai tanda kemahabesaran Allah. Dalam dunia yang fana ini, manusia dikurniakan akal fikiran yang cukup sempurna. Dengan daya yang kuasa ajaib akal itu, pelbagai bahasa tercipta dengan bentuk dan sifat-sifatnya yang tersendiri serta difahami. Di sinilah lambang kekuasaan Allah sebagai pencipta akal yang bijaksana dan cukup istimewa.

1.6.2.6 KEARBITRARIAN - 'ALLAMA

Di mana-mana, para sarjana bahasa khususnya barat mengakui bahasa itu arbitrari atau sewenang-wenang sifatnya. Dari sudut Islam, bahasa itu merupakan fitrah dan bersifat 'allama atau mengajarkan, iaitu oleh Allah kepada manusia.

1.6.2.7 KEEMPIRISAN - 'ILMULYAQIN, 'AINULYAQIN, 'HAQQULYAQIN

Pada dasarnya, ilmu linguistik yang mengkaji bahasa secara sains empiris tidak melihat korpus secara menyeluruh. Korpus tidak terhad pada bentuk konkrit sahaja yakni hanya di peringkat 'ilmulyaqin dan 'ainulyaqin. Keupayaan melihat korpus harus dianjakkan sehingga mencapai ke tahap haqqulyaqin. Keupayaan ini merupakan gabungan yang menyatukan

aspek jasad, 'aqal, qalb, nafs dan roh dalam diri manusia dengan pertolongan daripada Allah S.W.T. Bahasa Melayu perlu ditilik bukan sekadar dengan mata kasar, mata 'aqal bahkan dengan mata hati sehingga dapat menimbulkan keyakinan unggul.

1.6.2.8 KOMUNIKATIF - LIYUBAYYINA

Komunikasi ialah fungsi bahasa. Di antara sebab atau fungsi bahasa dalam kehidupan manusia agar maklumat yang disampaikan dapat difahami dengan jelas. Selain mempunyai ilmu dalam menyampaikan maklumat, penyampai juga mampu menampilkan maklumat yang baik dan berkesan atau jelas liyubayyinya.

1.6.2.9 PENGGOLOONGAN KATA - KHALIQ MAKHLUK

Terdapat kajian tentang prinsip dan amalan bahasa yang tidak membezakan di antara khaliq dan makhluk atau Pencipta dan segala makhluk di atas marcapada ini. Oleh itu, perlu dibezakan penggolongan kata nama khas untuk khaliq sesuai dengan nama Allah pada kedudukan kata nama yang paling tinggi dan khusus.

1.6.2.10 MAKNA TINGGI RENDAH

Makna yang tinggi dilihat dari segi sumber wahyu manakala makna yang rendah dari segi penggunaan: umum atau penggunaan yang biasa. Sebagai contoh, perkataan mati dalam konteks para syuhada dikatakan hidup seperti dalam petikan di bawah:-

"Jangganlah kamu anggap mati orang-orang yang terbunuh di jalan Allah itu. Tidak! Mereka itu hidup, mereka mendapat rezeki di sisi Tuhan."

(Surah Al-Imran: 169)


1.6.2.11 TATABAHASA LUAS - TATABAHASA SEMPIT

Konsep tatabahasa luas bermakna melihat tatabahasa melangkaui tatabahasa sempit yang hanya sekadar melihat tatabahasa dalam konteks morfologi, sintaksis dan wacana sahaja tetapi perlulah mengambilkira persoalan kalbu, roh dan nafsu. Oleh yang demikian, aspek kepadaan deskripsi dan eksplanatori yang menjadi pegangan Chomsky haruslah dianjak dan digabungkan dengan aspek kepadaan atqakum. (Hanisah bt. Hj. Md. Idris, 1999/2000)

1.7 KEKUATAN 'TEORI' ATQAKUM

Dalam 'teori' atqakum dapat dijelaskan kepadaan atqakum yang boleh dikembangkan sebagai penemuan yang berhakikat dan dapat dikaji bersama dan dimanfaatkan kepada umum. 'Teori' atqakum membawa pengertian yang merujuk bukan setakat teori sahaja tetapi perintah supaya bertakwa kepada Allah S.W.T.

Ini jelas 'teori' atqakum ialah yang paling sesuai diupayakan dalam mengusahakan penulisan tatabahasa bahasa Melayu, selari dan sesuai dengan bawaan dan jati diri bangsa Melayu sendiri.



Rajah 1.3: Skema 'Teori' Atqakum

1.8 PEMBAHAGIAN BAB

Kajian ini mengandungi lima bab. Bab pertama merupakan bahagian pendahuluan yang membincangkan latar belakang kajian, tujuan kajian, kaedah kajian yang digunakan serta teori kajian yang diaplikasikan dalam kajian ini.

Bab dua membincangkan dan menilai buku **Pelita Bahasa Melayu (Penggali Satu)** yang menyentuh ciri-ciri, kekuatan dan kekurangannya, di samping penilaian pengupayaan 'teori' atqakum yang terkandung dalam PBM (1).

Bab tiga membincangkan dan menilai penghasilan buku **Tatabahasa Dewan**. Bab ini juga turut menyentuh ciri-ciri penulisan dan penilaian terhadap kekuatan dan kekurangan buku tatabahasa ini. Selain itu, kajian ini menilai pengupayaan 'teori' atqakum, kritikan serta cadangan terhadap penulisan TBD.

Bab empat membincangkan dan menilai keperluan mengupayakan aspek wacana dalam penulisan tatabahasa dalam **Sintaksis - Wacana "Yang" Dalam Bahasa Melayu**. Selain itu, penilaian difokuskan juga terhadap pengupayaan 'teori' atqakum, serta menurunkan cadangan terhadap penulisan sintaksis - wacana "yang".

Bab lima membincangkan ringkasan dapatan kajian dengan membuat perbandingan pengupayaan 'teori' atqakum dalam buku-buku tatabahasa kajian. Bab ini turut mengemukakan cadangan model penulisan sesebuah buku tatabahasa bahasa Melayu, dan diakhiri dengan cadangan kajian terkemudian.